

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1992/93

Oktober/November, 1992

ATP400- DASAR-DASAR PENGURUSAN

Mas: [3 jam]

ARAHAN

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja. Jawab Soalan no.1 dan pilih TIGA soalan yang lain.

1. Diberikan di bawah kadar pertukaran matawang ringgit dengan matawang negara-negara yang rapat berdagang dengan Malaysia dari Disember, 1990 hingga 25 September, 1992.

Kadar Tukaran

	Disember, 1990	Disember, 1991	25 September 1992
1 \$ US	2.73	2.78	2.52
1 £ Sterling	5.25	4.69	4.27
1 Mark Jerman	1.84	1.59	1.69
100 Y Jepun	2.03	2.03	2.07
1 \$ S'pore	1.57	1.61	1.57

- (a) Ulaskan tentang kesan perubahan pertukaran matawang ini kepada:
- (i) Syarikat Pengilang yang mengeksport keluarannya yang diperbuat daripada bahan-bahan tempatan.
 - (ii) Syarikat Pengilang yang mengeksport keluarannya yang diperbuat daripada bahan-bahan yang diimport.
 - (iii) Syarikat yang mengimport barangan siap untuk pasaran di Malaysia.

...2/-

- (b) Cadangkan strategi untuk mengurangkan kesan buruk daripada perubahan pertukaran matawang asing.

[25 markah]

2. Huraikan peranan kepemimpinan dalam melaksanakan strategi dan membentuk sebuah organisasi yang cemerlang.

[25 markah]

3. Porter (1980) mencadangkan beberapa analisis perlu dilakukan untuk membentuk strategi persaingan. Bagaimanakah analisis ini dibuat? Apakah strategi yang boleh diperakukan?

[25 markah]

4. Jika anda dikehendaki membuat diagnosis kedudukan kewangan sesebuah syarikat, apakah yang akan anda lakukan?

[25 markah]

5. (a) Apakah kesan yang mungkin daripada pengambilalihan dan percantuman?

- (b) Anda dikehendaki merancang strategi pemulihan sebuah syarikat dalam keadaan tenat. Sila sediakan langkah-langkah yang akan anda lakukan.

[25 markah]

---ooo000ooo---